



IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

Bil.	Jawatan	Bayaran Perkhidmatan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Pekerja Sambilan Harian bertaraf Diploma	RM72.00 Sehari	Kontrak (3 bulan+3 Bulan) Tempoh Minimum : 3 Bulan Tempoh Maksimum : 6 Bulan	1

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) **Diploma dalam bidang kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (b) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
 - (c) sihat tubuh badan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (3) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

SYARAT PERMOHONAN

- (4) Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan **KHAS UNTUK PERMOHONAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN** (seperti dalam Lampiran) sahaja.
- (5) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut (**keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan**):
 - (a) Salinan Kad Pengenalan.
 - (b) Salinan Surat Beranak.
 - (c) Salinan tamat pengajian dan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
 - (d) Gambar berukuran pasport.
- (6) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (7) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (8) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**PENGARAH,
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN, NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.**

Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 07 Mei 2018 (Isnin).

(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri atas sampul surat).